



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

(Untuk Siaran SEGERA)

12 APRIL 2021

JPJ TAWAR 70% PENGURANGAN PEMBAYARAN SAMAN SEMPENA ULANG TAHUN KE-75 JPJ MALAYSIA

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun JPJ ke-75 Tahun, YB Menteri Pengangkutan telah bersetuju untuk memberikan **tawaran pengurangan pembayaran saman JPJ (diskaun)** kepada semua saman JPJ yang boleh dikompaun sahaja (yang masih lagi berkuatkuasa) semasa tawaran ini, **kecuali untuk kes-kes yang masih dalam sebutan pihak Mahkamah.**

Tawaran yang bermula pada **13 April 2021** dan akan berakhir pada **11 Jun 2021 (60 hari)** ini akan diberikan kepada semua notis saman yang telah dikeluarkan bagi kesalahan di bawah **Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)**, **Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Akta 334)**, **Akta Pengangkutan Awam Darat (Akta 715)**, serta Kaedah-Kaedah dan Perintah-Perintah di bawahnya, **termasuklah kes-kes yang masih dalam tindakan Senarai Hitam (black-listed).**

Sebanyak **70%** pengurangan (diskaun) ke atas notis saman tersebut adalah berdasarkan kepada **kadar kompaun semasa** yang terdapat dalam sistem JPJ dan **yang telah ditetapkan bagi kes-kes di bawah Akta yang tersebut.**

Sementara itu, tawaran ini turut diberikan kepada semua saman yang masih aktif dan tempoh kompaunnya masih berkuatkuasa dengan syarat pembayaran dilakukan dalam tempoh yang dinyatakan (**60 hari**). Urusan pembayaran (diskaun) notis saman ini boleh dibuat di **semua pejabat JPJ (Negeri, Cawangan dan UTC), kiosk dan portal JPJ (di atas talian).**

Walau bagaimanapun, bagi pesalah-pesalah lalu lintas yang telah disenarai hitamkan (*black-listed*), pesalah dikehendaki untuk hadir semula ke pejabat JPJ (Cawangan ataupun Negeri), bagi tujuan proses pengdokumentasian semula, sebelum sebarang urusan pembayaran (diskaun) notis saman dapat dilakukan.

Adalah sesungguhnya, tawaran pengurangan notis saman ini dibuat semata-mata bagi tujuan meringankan beban rakyat, selaras dengan kemelut ekonomi yang melanda segenap lapisan masyarakat di negara ini, ekoran daripada pandemik Covid-19.

Sekian.

- TAMAT -

**Ibu Pejabat
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)
Putrajaya**